

07 JAN 2003

EKONOMI-TUMBUH/I

SUNTIKAN DANA SATU LANGKAH TEPAT BAGI PASTIKAN PERTUMBUHAN MAPAN

Oleh: M. Saraswathi

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Langkah-langkah suntikan dana tambahan bagi merangsang ekonomi kini adalah tepat masanya dan akan memberi kekuatan memandangkan ekonomi global yang lemah dan implikasinya ke atas ekonomi domestik, pengerusi Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Bhd, Datuk Mohamed Adnan Ali berkata hari ini.

Bagaimanapun, katanya bahawa dana rangsangan itu hendaklah terutamanya mengalir ke dalam sektor infrastruktur kerana ia akan mempunyai kesan pengandaan dan pelbagai kesan sampingan ke atas ekonomi.

Beliau berkata bahawa satu lagi sektor penting yang patut menerima dana-dana itu ialah perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ia patut juga mempunyai "agihan adil kerana sebahagian daripada mereka bergantung kepada francais-français atau perniagaan berstruktur payung" yang menghadkan peluang-peluang perniagaan mereka, beliau memberitahu Bernama di sini hari ini.

Mohamed Adnan mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan mungkin mengambil langkah melaksanakan satu lagi pusingan suntikan dana tahun ini bagi merangsang ekonomi.

Pada Mac 2001, kerajaan memperkenalkan satu pakej rangsangan bernilai RM3 bilion dan selepas itu RM4.3 bilion lagi pada September tahun yang sama.

"Saya percaya bahawa jika kita mahu mempunyai pertumbuhan (berterusan), kerajaan perlu tampil dan menyuntik sedikit dana terutamanya sekarang," katanya.

Pada Mac 2001, kerajaan mengumumkan pakej rangsangan RM3 bilion dalam usaha menangkis kesan kelembapan ekonomi dunia ketika itu, disebabkan ekonomi-ekonomi AS dan Jepun yang lembap.

Ia menyuntik RM4.3 bilion lagi pada September 2001 selepas serangan pengganas 11 Sept yang menjejaskan lagi ekonomi-ekonomi global dan serantau yang memang telah terjejas. -- BERNAMA

SM MR OS